

JANUARI  
2024

*Aspirasi  
Kebudayaan*

# PENGGERAK

EDISI KOMPUTER | [www.pkn.gov.my](http://www.pkn.gov.my)

## MERAFAK SEMBAH DAN SETINGGI - TINGGI TAHNIAH – ULANG TAHUN KE-5 DIMASYUHRKAN SEBAGAI KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN PAHANG

Kuantan, 11 Januari - Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Al - Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al - Mustafa Billah Shah ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al - Mustain Billah sempena Ulang Tahun ke - 5 dimasyhurkan sebagai Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang pada 11 Januari 2024 Bersamaan 29 Jamadilakhir 1445 Hijrah.

Sembah Takzim daripada Pengerusi, Ahli Perbadanan, Pengurusan dan Seluruh Anggota Pekerja Kumpulan PKNP

## SEMBAH TAHNIAH TUANKU – ULANG TAHUN KE-5 PEMASYHURAN SEBAGAI KEBAWAH DULI YANG TERAMAT MULIA TENGKU MAHKOTA PAHANG

Kuantan, 22 Januari - Merafak Sembah dan Setinggi-Tinggi Ucapan Tahni-ah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang Tengku Mahkota Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah DK., SSAP., SIMP. sempena Ulang Tahun Kelima Pemasyhuran sebagai Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang pada 22 Januari 2024 Bersamaan 10 Rejab 1445 Hijrah.

Sembah Takzim daripada Pengerusi, Ahli Perbadanan, Pengurusan serta Seluruh Anggota Pekerja Kumpulan PKNP.



## DAULAT TUANKU – SEMPENA MEMULIAKAN KEBERANGKATAN BALIK KE NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR

Kuantan, 30 Januari - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tengku Ampuan Pahang Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Al-Marhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj sempena Memuliakan Keberangkatan Balik ke Negeri Pahang Darul Makmur setelah selamat menyempurnakan pemerintahan sebagai Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong ke-16 pada 30 Januari 2024 (Selasa) bersamaan 18 Rejab 1445 Hijrah.

Merafak sembah dan menjunjung kasih daripada Pengerusi, Ahli Perbadanan, Pengurusan serta Seluruh Anggota Pekerja Kumpulan PKNP.





## **KEJOHANAN GOLF PKNP BERSAMA-SAMA JABATAN/AGENSI KERAJAAN NEGERI PAHANG**



Seramai lebih kurang 60 peserta kejohanan mengabdikan kenangan bersama-sama YAB Menteri Besar Pahang

Kuantan, 21 Januari - PKNP telah menganjurkan Kejohanan Golf yang melibatkan jabatan/ agensi Kerajaan Pahang bertempat di Kelab Golf Diraja Pahang, Kuantan.

Kejohanan yang berlangsung dalam cuaca yang baik tersebut melibatkan penyertaan seramai lebih kurang 60 pemain golf dari seluruh jabatan/ agensi di Negeri Pahang.

Kejohanan turut dimeriahkan dengan penyertaan daripada YAB. Menteri Besar Pahang merangkap Pengerusi PKNP, Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail yang telah menunjukkan minat serta kebolehan beliau dalam sukan golf ini. Antara individu -individu kenamaan yang turut serta dalam kejohanan ini adalah Exco Kerajaan Negeri, Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri, Ketua-Ketua Syarikat GLC Pahang, Ketua- ketua Jabatan/ Agensi Kerajaan, Pengurus- Pengurus Besar syarikat pelaburan, Presiden persatuan berkaitan pelabur dan lain-lain yang berkaitan.

Turut hadir dipihak PKNP adalah Ahli- ahli Perbadanan PKNP, YH. Dato' Wan Asmadi bin Wan Ahmad dan YH. Dato' Mohd A Aruwan bin Ab Aziz serta Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, YH Dato' Mohd Faizal bin Jaafar dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan) PKNP, YBhg. Datin Hajah Noraskin binti Jamaludin. Tahniah diucapkan kepada semua pemenang dan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan kejohanan golf anjuran PKNP ini!

## **MAJLIS PERHIMPUNAN AWAL TAHUN 2024 DAN MAJLIS PERSARAAN ANGGOTA PEKERJA PKNP**

Kuantan, 3 Januari - Majlis Perhimpunan Awal Tahun 2024 dan Majlis Persaraan Anggota Pekerja PKNP telah diadakan di Dewan Utama EDC, Tingkat 3, Kompleks Teruntum.

Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, YH. Dato' Mohd Faizal bin Jaafar dalam ucaptamanya berkata, warga kerja PKNP diseru supaya memberikan fokus terhadap hala tuju tahun 2024 serta melipatgandakan usaha dalam mencari solusi dengan mengeksplorasi cara kerja secara kreatif dan inovatif dalam mencapai sasaran kerja tahun 2024.

Dalam majlis yang sama, beliau turut mengumumkan perubahan dan penstrukturan fungsi PKNP bagi tahun 2024 dengan pelantikan Tuan Haji Mohamad Hasrizal bin Hasim sebagai Pengurus Besar RT Development & Engineering, Encik Mohd Rizal bin Redzuan sebagai Pemangku Pengurus Perindustrian, Encik Issma Rohaizad bin Abdul Wahab sebagai Pemangku Pengurus Teknik serta Encik Mohd Fahmi bin Abdul Ghani sebagai Pemangku Ketua Pegawai Operasi Realistic Attraction Sdn. Bhd. (Tenun Pahang Diraja Soi).

Selain itu, turut diumumkan adalah kenaikan pangkat Puan Noraini binti Misran ke jawatan Pegawai Tadbir Gred N52 sekaligus menyandang jawatan sebagai Pengurus Pemasaran dan Pengurusan Harta serta kenaikan pangkat Puan Marlia binti Osman, Pengurus Unit Pengurusan Kualiti, Risiko & Integriti ke jawatan Pegawai Tadbir Gred N48. Turut terlibat dengan kenaikan

pangkat ialah Encik Mohd Rozaimie bin Mohamad, Pemandu Kenderaan Gred H11 ke Gred H14. Selaras penyusunan semula struktur organisasi dan perubahan fungsi PKNP, beberapa anggota pekerja juga telah terlibat dengan urusan pertukaran bagi memastikan matlamat tersebut dapat dilaksanakan dengan lebih proaktif.

Pada akhir ucapan beliau, Ketua Pegawai Eksekutif turut mengetuai Lafaz Ikrar Integriti PKNP yang bertujuan menginstitusikan struktur tadbir urus yang bebas rasuah dalam kalangan anggota pekerja PKNP.

Disamping penyampaian amanat tahun baru, majlis ini turut meraikan tiga orang pesara PKNP, iaitu Puan Hajah Suliyati binti Abdul Rahman, mantan Pengurus Pemasaran & Pengurusan Harta, Encik Ismail bin Mustafar, Pembantu Operasi N14 dan Encik Mohd Raffi bin Embong, Pemandu Kenderaan H14.



Pengurusan PKNP baharu bagi menerajui hala tuju tahun 2024



## PKNP HADIRI MAJLIS PERJUMPAAN PENJAWAT AWAM NEGERI PAHANG BERSAMA-SAMA YAB. MENTERI BESAR PAHANG



Pengurusan Tertinggi PKNP mengetuai rombongan PKNP pada Majlis Perjumpaan Penjawat Awam Negeri Pahang bersama - sama YAB. Menteri Besar Pahang

Kuantan, 9 Januari - PKNP yang diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, YH. Dato' Mohd Faizal bin Jaafar telah menghadiri Majlis Perjumpaan Penjawat Awam Negeri Pahang bersama - sama YAB. Menteri Besar Pahang bertempat di Dewan Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah, Kuantan.

Perjumpaan ini melibatkan seluruh kakitangan awam dari seluruh daerah di Negeri Pahang yang hadir sama ada secara fizikal atau secara dalam talian.

Antara ucapan dan amanat penting oleh YAB. Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail adalah beliau berpesan penjawat awam tidak boleh kekal selesa dan terus berada di 'comfort zone'. Sebagai penjawat awam juga, kita perlu berubah ke arah yang lebih baik serta berani menghadapi cabaran.

YAB. Dato' Sri dalam ucapan beliau turut menyeru penjawat awam agar terus memberikan perkhidmatan terbaik untuk mencapai misi & visi yang telah disusun oleh Kerajaan Pahang dan jadikan hari ini lebih baik dari semalam.

Turut hadir dipihak PKNP adalah Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan), Y.Bhg. Datin Hajah Noraskin binti Jamaludin, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan), Encik Mohd Razif bin Abdul Malek, pengurus - pengurus serta pegawai - pegawai kanan di bahagian/unit di PKNP.

## PROGRAM 'BACK TO SCHOOL' SUNTIK SEMANGAT MURID ASNAF KE SEKOLAH

Kuantan, 16 Januari - Program Bantuan Persekolahan "Back To School" 2024 anjuran Biro Kebajikan Dan Pendidikan Pusanita PKNP telah diadakan di Sekolah Kebangsaan Tanah Putih Baru, Kuantan, Pahang Darul Makmur.



Penyerahan barangan sekolah oleh Pengerusi Pusanita PKNP dan Timbalan Pengerusi Pusanita PKNP

Turut hadir sama adalah Setiausaha Pusanita PKNP, Puan Nor Azilah binti Abdul Aziz, Ketua Biro Kebajikan & Pendidikan Pusanita PKNP, Puan Salwa binti Mohd Kasim serta AJK-AJK Kecil yang terlibat.

Program ini menyasarkan pemberian barangan sekolah kepada seramai 30 orang murid asnaf telah dihadiri oleh Pengerusi Pusanita PKNP, YBhg. Datin Zuhaira binti Zainordin dan Timbalan Pengerusi Pusanita PKNP, YBhg. Datin Hajah Noraskin binti Jamaludin.



Seramai 30 orang murid asnaf telah menerima sumbangan barangan sekolah

## PKNP SEBAGAI 'ONE STOP AGENCY' (OSA) PERKILANGAN NEGERI PAHANG

Kuantan, 25 Januari - Bahagian Perindustrian PKNP telah menyelaraskan satu Mesyuarat OSA bersama pelabur bagi membincangkan isu-isu dan keperluan Projek Pembinaan Kilang "Metal Catalyst Recovery" oleh Syarikat Taiyo Koko Malaysia Sdn. Bhd.

Mesyuarat yang diadakan di Dewan Seminar PKNP, Tingkat 3, Kompleks Teruntum turut dihadiri oleh wakil Jabatan dan Agensi yang dijemput bagi memberi input berkaitan keperluan teknikal dan dokumentasi yang diperlukan di Negeri Pahang sebagai persediaan pihak syarikat membuat permohonan Kebenaran Merancang bagi projek di Kawasan Perindustrian Gebeng, Mukim Sungai Karang, Daerah Kuantan, Pahang Darul Makmur.

Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Pemangku Pengurus Perindustrian Encik Mohd Rizal Redzuan, turut hadir Pemangku Pengurus Teknik Encik Issma Rohaizad Abdul Wahab dan Puan Nur Afiqah Haballah, Penolong Pengurus Perindustrian.



Pemangku Pengurus Perindustrian mempengerusikan Mesyuarat OSA bersama pelabur



Ahli Mesyuarat OSA tekun mendengar pembentangan oleh Syarikat Taiyo Koko Malaysia Sdn. Bhd.



**lensaPKNP**  
PHOTOGRAPHY

**KEJOHANAN GOLF PKNP BERSAMA-SAMA JABATAN/AGENSI  
KERAJAAN NEGERI PAHANG**



**KEJOHANAN BOLING TERTUTUP PKNP**



*Sidang Redaksi*

**PENAUNG / PENASIHAT**  
Dato' Mohd Faizal bin Jaafar  
**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF**

**PENYELARAS PENERBITAN**  
Tuan Haji Mohd Ibrahim  
bin Hashim

**KETUA EDITOR**  
Encik Muhammad Farhan  
bin Mohd Kamarulzaman

**GRAFIK**  
Puan Sharifah Nur Yusra  
binti Tuan Rasli

**JURUFOTO**  
Encik Muhammad Amjad  
bin Mohamad Azhar